

ARAHAN PENGURUSAN BIL. 2/2019
GARIS PANDUAN PENYEDIAAN PAKEJ MESYUARAT KERJA
DAN BENGKEL / KURSUS

1. TUJUAN

Tujuan arahan ini adalah untuk memaklumkan tentang langkah-langkah perbelanjaan berhemah yang akan dilaksanakan di peringkat CIAST selaras dengan kekangan kewangan CIAST pada tahun 2019.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Berdasarkan peruntukan belanjawan mengurus yang diterima pada tahun 2019, CIAST akan mengambil langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemah terutama bagi perbelanjaan yang melibatkan OS21000 dan OS29000.
- 2.2. Langkah-langkah penjimatan ini perlu dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan CIAST dalam memastikan peruntukan tahun 2019 mencukupi.

3. ARAHAN

Selaras dengan arahan di atas, semua Ketua Program perlu memastikan:-

- 3.1. Mesyuarat Kerja yang melibatkan pegawai dan kakitangan CIAST perlu diadakan di CIAST. Ini sebagai langkah penjimatan dalam mengurangkan perbelanjaan di bawah OS29000 dan OS21000.
- 3.2. Mesyuarat Kerja yang melibatkan pegawai luar yang diadakan di luar pejabat perlu mendapatkan kelulusan Pengarah CIAST. Kadar pakej penginapan dan makan perlu mengikut had kelayakan pegawai seperti yang telah dinyatakan dalam Pekeliling 1PP WP1.4. Di samping itu, sebagai langkah penjimatan hanya pegawai gred 48 ke atas sahaja yang dibenarkan menginap di bilik *single* dengan kadar bilik biasa. Manakala pegawai gred 44 ke bawah hanya dibenarkan untuk menginap bilik *twin sharing* sahaja.
- 3.3. Bengkel / Kursus yang diadakan perlu mengikut had kelayakan pegawai dan bilik secara *twin sharing* seperti 1PP WP 1.10.
- 3.4. Pengisian jadual Mesyuarat Kerja / Bengkel / Kursus hendaklah secara optimum.

3.5. Mesyuarat Pengurusan CIAST Bil. 1/2019 telah memutuskan bahawa sesalinan Minit Mesyuarat Kerja berkenaan perlu disertakan bersama Pesanan Tempatan (LO) sebagai dokumen sokongan sebelum proses pembayaran dilakukan.

4. PEMATUHAN ARAHAN

Semua pegawai dan kakitangan CIAST mestilah mematuhi arahan yang telah ditetapkan bagi memastikan kelancaran urusan pentadbiran Jabatan.

5. TARIKH KUAT KUASA

Arahan Pengurusan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Oleh yang demikian, semua pegawai dan kakitangan CIAST hendaklah mematuhi arahan pengurusan yang telah ditetapkan ini.



(DR. HJ. MOHAMAD BIN SULAIMAN K.M.N.)
Pengarah CIAST
Shah Alam, Selangor

Tarikh: 28/1/19.....